

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM/PEND.100-1/6/2

Tarikh : 11 Mei 2017

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN UPM BILANGAN 1 TAHUN 2017

**PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UPM SEMASA BULAN
RAMADHAN 1438 HIJRAH**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1438 Hijrah di Universiti Putra Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Pindaan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai Universiti membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan 1438 Hijrah.

PELAKSANAAN

3. Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 3.1 pindaan untuk waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1438 Hijrah ;
- 3.2 waktu bekerja yang dipinda ini akan berkuatkuasa mulai 1 Ramadhan 1438 Hijrah dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1438 Hijrah;
- 3.3 mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak; dan
- 3.4 waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu 45 jam seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Pindaan waktu Kerja

4. Butir-butir waktu bekerja biasa yang dipinda semasa bulan Ramadhan 1438 Hijrah adalah seperti berikut :

Semenanjung Malaysia

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin – Khamis	7:30 pg– 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 4:00 ptg
	Jumaat	7:30 pg– 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 4:00 ptg
WP2	Isnin – Khamis	8:00 pg– 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 4:30 ptg
	Jumaat	8:00 pg– 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 4:30 ptg
WP3	Isnin – Khamis	8:30 pg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 2:00 ptg	2:00 ptg – 5:00 ptg
	Jumaat	8:30 pg– 12:45 ptg	12:45 ptg – 2:45 ptg	2:45 ptg – 5:00 ptg

Bintulu, Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin – Khamis	7:30 pg – 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 4:00 ptg
	Jumaat	7:30 pg– 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 4:00 ptg
WP2	Isnin – Khamis	8:00 pg – 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 4:30 ptg
	Jumaat	8:00 pg– 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 4:30 ptg
WP3	Isnin – Khamis	8:30 pg– 1:00 ptg	1:00 ptg – 1:30 ptg	1:30 ptg – 5:00 ptg
	Jumaat	8:30 pg– 11:45 pg	11:45 pg – 1:45 ptg	1:45 ptg – 5:00 ptg


TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh kuatkuasa pindaan waktu bekerja ini adalah mulai 1 Ramadhan 1438 Hijrah sehingga hari terakhir bulan Ramadhan 1438 Hijrah.

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang benar,



(DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR D.S.I.S)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

s.k. Edaran

: Naib Canselor

Semua Timbalan Naib Canselor

Bursar

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Fakulti / Sekolah

Semua Pengarah Akademi/Institut/Pusat

Semua Pengetua Kolej

Semua Ketua Bahagian /Pusat /Taman

**Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU**